



KENYATAAN MEDIA
20 JUN 2025

Jadual Elektrik Baharu Kulim Hi-Tech Park Berkuatkuasa Mulai 1 Julai 2025

Putrajaya, 20 Jun 2025 – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan **tarif elektrik baharu di Kulim Hi-Tech Park yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027 di bawah kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive-Based Regulation - IBR*)**, selaras dengan peruntukan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990.

Perubahan tarif elektrik di Kulim Hi-Tech Park bagi Tempoh Regulatori Ketiga (Regulatory Period 3 – RP3) ini, merangkumi pengemaskinian komponen-komponen berikut:

- (i) kadar purata tarif asas;
- (ii) jadual tarif; dan
- (iii) kadar *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT).

Kadar tarif asas bagi tempoh RP3 disemak semula dan ditetapkan pada kadar purata 43.08 sen/kWj berbanding 43.26 sen/kWj pada bulan Disember 2024. Sehubungan itu, jadual tarif telah dikemaskini dengan pelarasan kadar skim *Time of Use* (TOU) bagi kategori N6 dan N8. Selain itu, kadar ICPT juga ditetapkan pada 6.52 sen/kWj bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2025 bagi pengguna domestik dengan penggunaan melebihi 1,500 kWj dan semua pengguna bukan domestik.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Pelaksanaan dan khidmat sokongan bagi pengguna

Jadual tarif baharu akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 dan diselaraskan dalam bil elektrik bermula penggunaan bulan Julai 2025. Perincian kadar serta kategori baharu (jika berkaitan) boleh disemak dengan pihak utiliti elektrik. Bagi tujuan ini:

- Jadual tarif akan dipaparkan di laman sesawang <https://www.nur.com.my/tariffs-and-icpt/>
- Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pengguna digalakkan menghubungi NUR di talian +604-401 0101 atau melalui emel di alamat cs@nur.com.my.

Komitmen Suruhanjaya Tenaga

Sebagai badan kawal selia tenaga di Semenanjung, ST komited untuk memastikan pelaksanaan tarif berdasarkan prinsip adil, telus dan mampan bagi memenuhi keperluan dan mengimbangi kepentingan semua pengguna tenaga. Penstrukturan dan penyelarasan secara menyeluruh ini merupakan langkah penting bagi merealisasikan serta memperkukuh agenda peralihan tenaga negara yang saksama dan inklusif.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi media@st.gov.my.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.